

Headline	Pelancaran Ipanema Gisele Bundchen Seeds Collection	Language	MALAY
Date	11. Mar 2009	Page No	125
Media Title	Rapi	Article Size	275 cm2
Section	NEWS	Frequency	Fortnight
Circulation	40401	Color	Full Color
Readership	120000	AdValue	2374.56



teks: NOR AZUANA HAMID foto: NADIAH MOHD NOH (PRAKTIKAL)



Agenda 3

Pelancaran Ipanema Gisele Bundchen Seeds Collection

Bertempat di Institut Penyelidikan Hutan Malaysia (FRIM), Kepong, majlis perlawanan koleksi sandal terbaru rekaan supermodel Gisele Bundchen iaitu Seeds telah diadakan bertemakan alam semulajadi.

Bersesuaian dengan lokasi majlis, koleksi sandal Ipanema Gisele Bundchen ini berilhamkan alam semula jadi sekaligus menterjemahkan keprihatinan pereka dan pasukannya terhadap pemeliharaan dan pemuliharaan alam.

Malah, menurut Gisele sendiri, koleksi Seeds (atau benih dalam bahasa Melayu) ini sendiri mencerminkan permulaan baru untuk segala-galanya. Daripada benihlah, tumbuhnya pokok yang berfungsi menakung air. Semestinya manusia tidak boleh hidup tanpa air. Merangkulkan kesemuanya, apa yang boleh dikatakan adalah betapa benih itu banyak berjasa dan mampu mengubah kehidupan menjadi lebih baik.

Lantaran itu juga, dengan jenama Ipanema, Gisele Bundchen mengambil langkah positif untuk bekerjasama dengan WWF Malaysia dalam mengumpulkan dana untuk Program Perhutanan Semenanjung Malaysia. Sebagai penganjur koleksi sandal Seeds Ipanema Gisele Bundchen di sini, RSH (M) Sdn. Bhd. berbesar hati untuk turut serta buat kali ketiganya dalam program ini. Sebahagian daripada hasil jualan sandal ini akan disumbangkan untuk program tersebut.

Majlis tersebut turut menyaksikan para selebriti dan pihak media menanam sendiri pokok bunga 'Catharanthus Roseus' (Periwinkle) ke dalam pasu BABA sebagai simbolik menyokong pemeliharaan bumi hijau.

*Koleksi sandal Seed Ipanema Gisele Bundchen ini boleh didapati di gedung Stadium, Studio R dan Royal Sporting House pada harga daripada RM42.90 hingga RM74.90.

